

MAHATHIR - BANK R'R'R'  
(1)

1983

KUALA LUMPUR, 23 OGOS (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MENIMBANG UNTUK MEMBENARKAN BANK-BANK PERNIAGAAN MELABUR SEHINGGA HAD TERTENTU DALAM EKUITI PERUSAHAAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

CADANGAN ITU JIKA DILAKSANAKAN AKAN MENIMBULKAN KESAN YANG BESAR TERHADAP PERANAN BANK DALAM PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN, KATANYA KEPADA PENGUSAHA BANK DAN KEWANGAN YANG TERKEMUKA.

BERCAKAP DALAM JAMUAN MAKAN MALAM PERSATUAN BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN MALAYSIA DI SINI, BELIAU BERKATA BANK HENDAKLAH MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH TEGAS BAGI MELUASKAN ASAS PERINDUSTRIAN NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN MENGKAJI CADANGAN ITU SECARA TERPERINCI SEBELUM MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAINYA.

BELIAU BERKATA DARIPADA BANK-BANK PERDAGANGAN YANG DIBENARKAN MELABUR DALAM SAHAM PERUSAHAAN-PERUSAHAAN BARU SEJAK FEBRUARI TAHUN LALU, TIDAK ADA YANG AKTIF DALAM BIDANG ITU.

+INI ADALAH MENGECEWAKAN,+ KATANYA. -- LAGI 2150/MK  
MAHATHIR - BANK 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TUJUANNYA IALAH MEMBENARKAN BANK-BANK Mencari LAPANGAN BARU DALAM PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN MENYERTAINYA SEBAGAI PEMODAL YANG BERANI MENCUBA DAN DENGAN ITU MERAPATKAN PERHUBUNGAN ANTARA PIHAK YANG MEMBIAYA DENGAN INDUSTRI ITU.

BELIAU BERHARAP APABILA KERAJAAN MEMBENARKAN BANK-BANK MENYERTAI EKUITI ITU NANTI, MEREKA AKAN MEREBut PELUANG DARIPADA DASAR ITU.

SEMENTARA ITU, TAMBAH BELIAU, MEREKA HENDAKLAH BERUSAHA MENGADAKAN REPAKARAN YANG DIPERLUKAN.

PERDANA MENTERI JUGA MENEKANKAN TENTANG PERLUNYA DIWUJUDKAN KELONGGARAN YANG BERTERUSAN DALAM SISTEM BANK DI MALAYSIA.

MEREKA HENDAKLAH BERSEDIA MENGUBAHSUAI PERATURAN-PERATURAN YANG SEDIA ADA UNTUK MEMBANTU TUGAS MENYUSUN SEMULA ASAS INDUSTRI PEMBUA-TAN DI MALAYSIA DAN MEMBANTUNYA MENINGKATKAN KEUPAYAAN UNTUK BERSAING DALAM PASARAN DUNIA, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KOMODITI TELAH MEMBANTU MEMELIHARA NEGARA INI, MALAH MENGHASILKAN KESEJAHTERAANNYA TETAPI MASA DEPANNYA TERLETAK KEPADA KESPORT BARANG-BARANG SIAP. -- LAGI 2154/MK  
NNNN

ZCZC B697

MAHATHIR - BANK 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

BELIAU BERKATA ADA TANDA-TANDA YANG KEADAAN EKONOMI AKAN BERTAMBAH BAIK TAHUN DEPAN.

+KITA TELAH MENJEJAK PARAS PALING BAWAH DAN JIKA KITA TIDAK TERUS KEKAL DI SITU SATU-SATUNYA ARAB YANG BOLEH KITA TUJU IALAH KE ATAS,+ KATANYA.

+TENTANG KEADAAN DALAM NEGERI, KEGIATAN PEMBINAAN TERUS KUKUH SEMENTARA PENGELUARAN PETROLEUM MENINGKAT DAN EKSPORT GAS ASLI CAIR MENGIKUT JADUAL,+ TAMBAHNYA.

SEKTOR PEMBUATAN DIJANGKA MENCAPI KEMAJUAN YANG LEBIH BAIK DENGAN PROSPEK YANG CERAH BAGI PERKEMBANGAN EKSPORT YANG DIJANGKA MENINGKAT 12 PERATUS TAHUN INI,KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA TIDAK ADA PERKEMBANGAN YANG TIDAK DIINGINI BERLAKU ANTARA SEKARANG DENGAN AKHIR TAHUN, PERTUMBUHAN KELUARAN KASAR DALAM NEGERI DIJANGKA DALAM LINGKUNGAN 5-1/2 HINGGA ENAM PERATUS TAHUN INI BERBANDING DENGAN 4.8 PERATUS TAHUN LALU.

+TETAPI KITA MESTI TERUS BERWASPADA,+ KATANYA. +KUNCI KEPADA KEJAYAAN KITA MASIH TERUS BERGANTUNG KEPADA MENGEKALKAN KADAR SIMPANAN YANG TINGGI, PENGURUSAN WANG KERAJAAN SECARA CERMAT, MEMINJAM HANYA UNTUK MELABUR DALAM PROJEK YANG MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN TERUTAMA UNTUK EKSPORT DAN MEMPERSEIMBANGKAN PERDELANJAAN LUAR+ -- LAGI 2159/MK

MAHATHIR - BANK 4 KUALA LUMPUR R'R'R'

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MASANYA SUDAH TIBA BAGI MALAYSIA MENGUKUHKAN PENDAPATANNYA DAN MENYUSUN SEMULA EKONOMINYA SUPAYA IA TIDAK AKAN TERLALU BERGANTUNG KEPADA TINDAK-TANDUK KALANGAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA.

BELIAU BERKATA DALAM PERSPEKTIF ITULAH KERAJAAN MELANCARKAN KEMPEN MENGEKALKAN PENTADBIRAN YANG BERSIH, CEKAP DAN AMANAH UNTUK MENANAM KEYAKINAN DAN MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN EKONOMI.

KERAJAAN JUGA TELAH MULA MEMPERKEMBANGKAN KONSEP +PERSYARIKATAN MALAYSIA+ DAN +PENGSWASTAAN+ SEBAGAI LANGKAH SELANJUTNYA KE ARAH KERJASAMA YANG LEBIH BAIK ANTARA SEKTOR AWAM DAN SWASTA.

BELIAU MENGALU-ALUKAN PANDANGAN DARI KALANGAN PARA PENGUSAHA BANK DAN KEWANGAN TENTANG BAGAIMANA PROSES PENGSWASTAAN ITU BOLEH DIPERCEPATKAN DAN DILICINKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MASA SUDAH TIBA BAGI PARA PENGUSAHA BANK TIDAK LAGI MENUNGGU PELUANG DATANG KEPADA MEREKA.

KATANYA, SUDAH TERLALU LAMA SEKTOR AWAM MENJADI PENGGERAK UTAMA BAGI PROJEK-PROJEK DAN KEMUDAHAN YANG MENYOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI. -- LAGI 2210/MK

MAHATHIR - BANK 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

BELIAU BERKATA, SUBSIDI KERAJAAN UNTUK PERKHIDMATAN TIDAK BOLEH DITERUSKAN UNTUK SELAMA-LAMANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEKTOR SWASTA SELALUNYA DIANGGAP LEBIH CEKAP DARIPADA KERAJAAN TETAPI KEADAAN TIDAK SEMESTINYA BEGITU, TERUTAMA DI MALAYSIA.

KATANYA SEKTOR SWASTA DI MALAYSIA BERSIKAP TAKUT-TAKUT DAN MENGHARAPKAN KERAJAAN MELINDUNGI MEREKA.

BELIAU BERKATA WALAUPUN BENAR YANG DALAM BANYAK HAL PERLINDUNGAN DIPERLUKAN TETAPI IA TIDAK BOLEH DIBERIKAN BUAT SELAMA-LAMANYA.

KATANYA, PERLINDUNGAN YANG TELAH DIBERIKAN MENGAKIBATKAN PENGUSAHA-PENGUSAHA MALAYSIA HANYA DAPAT HIDUP DI NEGERI SENDIRI BARANG KELUARAN MALAYSIA SELAIN KOMODITI JARANG-JARANG DAPAT BERSAING DI LUAR NEGERI.

DALAM LAPANGAN EKSPORT, BELIAU BERKATA SEKALI LAGI MALAYSIA BERSIKAP TAKUT-TAKUT DAN LEBIH SUKA MENGELAKKAN RISIKO DENGAN MENGELUARKAN BARANG UNTUK DIJUAL OLEH PIHAK-PIHAK LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MASANYA SUDAH TIDA UNTUK MEREKA BERSIKAP LEBIH BERANI MENEROKA DAN MENYERTAI PASARAN DUNIA DENGAN MENJUAL SENDIRI BARANG KELUARAN MEREKA. -- BERNAMA 2230/MK